SELANGOR

Bermula tahun 1878, setem bersifat sementara menjadi representasi awal isu setem definitif di Selangor dengan setem Negeri-negeri Selat (NNS) ini dicetak tindih secara cap tangan imej bujur 'Bulan Bintang di atas abjad S' berwarna hitam seterusnya varian merah pada tahun 1882. Seterusnya, setem-setem NNS telah dicetak tindih dengan inskripsi 'SELANGOR' bermula tahun 1881 hingga tahun 1890. Pada tahun 1891–95, setem yang menggambarkan 'harimau menerkam' telah dikeluarkan. Pada tahun 1895–1897, satu siri baharu dengan imej 'kepala harimau' atau 'gajah dan mahout' telah dikeluarkan. Dari tahun 1900 hingga 1935, Selangor yang merupakan sebahagian aliansi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) telah menggunakan setem keluaran NMB. Selepas penetapan baharu Kesatuan Perkhidmatan Pos Tanah Melayu (Malayan Postal Union), Selangor telah mengeluarkan siri definitif tahun 1935–1941 yang menggambarkan imej identiti negeri seperti gambar Masjid Diraja Sultan Sulaiman, Klang, potret Sultan Alaeddin Suleiman Shah dan potret Sultan Sultan Sir Hisammudin Alam Shah. Bermula tahun 1948 hingga 1962, Selangor telah menggunakan isu-isu yang seragam dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

Stamps of the Straits Settlements were overprinted for use in the Sultanate of Selangor in 1881. In 1891–95, stamps depicting a jumping tiger were issued. In 1895–1897, a new series with the image of a tiger's head or elephants was issued. From 1900 to 1935, stamps of the Federated Malay States were used. The 1935–1941 series depicted a mosque in Klang or a portrait of the Sultan. Beginning in 1948 until 1962, issues have been similar to those of other Malay states.



Selangor telah diwakili oleh imej Bangunan Sultan Abdul Samad untuk denominasi $1 setem definitif nasional 1961-1962

GARIS MASA PERKEMBANGAN FILATELI DI SELANGOR, 1878-1963

Tarikh/Tahun	Deskripsi
1878	Setem provisional NNS dengan cetakan tindih 'Bulan sabit, bintang dan abjad S'
1881-1891	Setem NNS dengan cetakan tindih pelbagai inskripsi 'SELANGOR'
1891	Setem definitif Selangor pertama dikeluarkan iaitu 4 denominasi 'Harimau Menerkam'
1895	Setem definitif 'Kepala Harimau' untuk denominasi rendah manakala setem 'Gajah dan Mahout' untuk denominasi tinggi
1900-1935	Selangor mula menggunakan setem aliansi Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1935-1941	Selangor mengeluarkan setem definitif baharu dengan imej Masjid Diraja Sultan Suleiman Shah untuk denominasi rendah dan potret Sultan Alaeddin Sulaiman Shah untuk denominasi tinggi
1941	Setem denominasi tinggi digantikan dengan potret Sultan Hisamuddin Alam Shah
Januari 1942	Jepun menduduki Kuala Lumpur
12 September 1949	Setem definitif nasional (coconut issue) yang memaparkan potret Sultan Hisamuddin Alam Shah
26 Jun 1957-1 November 1961	Setem definitif kebangsaan dengan potret Sultan Hisamuddin dengan motif-motif sosioekonomi. Selangor telah diwakili oleh imej Bangunan Sultan Abdul Samad untuk denominasi $1
26 Jun 1961	Setem peringatan kemahkotaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai Sultan Selangor yang kelapan
1 November 1961-1 Mac 1962	Setem definitif inset potret Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang menggantikan potret ayahandanya pada tujuh setem Selangor berdenominasi rendah 1 sen hingga 8 sen

Timeline of Philately in Selangor, 1878-1963

1878	*1Selangor became a British protected State Stamps of S.S. were used.*
1881 – 1891	*Stamps of S.S. with various types of overprints were issued.*
1891	*Issue of 4 values with the design of leaping tiger.*
1895	*Definitive issues – Low values Tiger head and Higher values with group of elephant design.*
1900 – 1935	*Stamps of F.M.S were used.*
1935 – 1941	*Definitives – Lower denominations with Mosque design and High values with Portrait of HRH Sultan Suleiman.*
1941	*Issue of high value stamps with Portrait of HRH Sultan Hisamuddin Alam Shah*
1942 Jan	*Japanese occupied Kuala Lumpur.*
1948 Dec 1	*Royal Silver Wedding of King George VI issue.*
1949 Sept 12	*Definitive issues with Portrait of Sultan Hisamuddin Alam Shah.*
1949 Oct 10	*75th Anniversary of the Universal Postal Union issue.*
1953 June 2	*Coronation of Queen Elizabeth II – 10c stamp commemorative*
1957 – 1961	*New definitive issue 1c to $5.00*
1961 June 26	*Installation of HRH Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*
1961 – 1962	*New definitive issue – 1c to 20c*